

03 MAR 2002

Mahathir-Lanskap

PEMAJU PERUMAHAN HARUS ADAKAN TAMAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad hari ini menyarankan semua pemaaju perumahan supaya mengadakan taman-taman rekreasi di kawasan-kawasan yang dimajukan untuk kegunaan penduduk setempat.

Beliau berkata taman rekreasi bukan hanya menjadi tumpuan penduduk untuk beriadah malah dapat meningkatkan nilai projek perumahan itu.

"Dengan taman yang indah dan lanskap yang menarik, nilai perumahan itu akan bertambah dan menguntungkan semua pihak yang terlibat," katanya pada pelancaran Hari Lanskap Negara 2002 di Taman KLCC di sini, hari ini.

Beliau berkata dengan pembangunan pesat negara pada masa kini, ramai yang tidak mengambil inisiatif untuk menjaga alam semulajadi.

"Mereka suka meratakan tanah, bukit hilang tapi dengan lanskap yang menarik, keindahan yang hilang itu dapat diwujudkan semula,"katanya.

Dr Mahathir berkata bidang lanskap di Malaysia boleh memberi keuntungan yang lumayan jika diusahakan dengan cekap dan bersungguh-sungguh.

Menurutnya peluang menjana kewangan dari bidang lanskap ini adalah banyak dan hasilnya juga lumayan.

"Ramai pelawat asing ke Malaysia kagum dengan keindahan negara kita kerana kita telah berjaya dalam bidang lanskap. Kawasan yang diperuntukkan untuk lanskap tidak merugikan malah mengindahkan,"katanya.

Perdana Menteri berkata lanskap yang menarik dan berwarna-warni dapat menarik pelancong dalaman atau luar negara ke sesuatu tempat dan dengan itu tempat itu akan menjadi popular.

"Bila lanskapnya menarik rakyat juga akan berjaga-jaga supaya tidak mencemarkan kawasan itu, mereka tidak akan mengotorkan kawasan itu kerana keindahan lanskapnya,"kata Dr Mahathir.

Bercakap mengenai kejayaan Malaysia menempah nama dalam Guinness Book of Records kerana menanam 110,000 batang pokok dalam masa seminit tahun lalu, Dr Mahathir berkata usaha itu menunjukkan tiada apa yang tidak boleh dilakukan jika rakyat Malaysia bermuafakat untuk menjayakan sesuatu.

"Kita bersyukur kerana seruan kerajaan mendapat sambutan hangat rakyat Malaysia, sebagai contohnya Langkawi Air Show yang bermula secara kecil-kecilan tetapi dengan sambutan rakyat, ianya sekarang menjadi acara antarabangsa dan menarik orang luar," katanya.

--BERNAMA

SR DC NAK